

SINTAKSIS FRASA NAMA BAHASA KENSIU

Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan

Abstrak

Bahasa Austro-Asiatik di Malaysia dikenali sebagai bahasa moribund kerana bahasa ini sedang mengalami kepupusan di Malaysia. Oleh yang demikian, penulisan ini akan memberikan tumpuan pada salah satu daripada bahasa moribund di Semenanjung Malaysia, iaitu bahasa Kensiu yang sedang pupus dengan cepat. Bahasa ini dituturkan oleh orang Kensiu di Baling, Kedah. Jumlah penuturnya kurang daripada 200 orang. Namun demikian, penulisan ini mempunyai skop yang sangat terperinci, iaitu penulisan ini akan hanya membahaskan frasa nama (FN) bahasa Kensiu sahaja. Analisis ke atas frasa nama bahasa Kensiu dalam artikel ini terbahagi kepada dua aspek, iaitu aspek deskriptif dan aspek sintaksis. Analisis deskriptif akan menjelaskan frasa nama bahasa Kensiu serta urutan yang membentuk frasa nama tersebut. Seterusnya, berpandukan analisis deskriptif itu, penulis akan membahaskan struktur sintaksis X-berpalang frasa nama bahasa Kensiu dengan menggunakan kerangka Teori Kuasaan dan Tambatan (Chomsky, 1986). Hasil daripada analisis ini, penulis akan memaparkan struktur sintaksis FN Kensiu yang akan menggambarkan urutan perkataan yang membentuk FN Kensiu.

Abstract

Austro-Asiatic languages in Malaysia are considered as a moribund language as these languages are facing extinction. Hence, this writing will focus on one of the moribund languages in Peninsular Malaysia, namely, Kensiu language which is fast becoming extinct. This language is spoken by Kensiu people in Baling, Kedah. The number of its speakers is less than 200 people. However, this writing will only discuss on the noun phrase (NP) of Kensiu language. The analysis on the noun phrase of Kensiu language in article is divided

into two aspects: descriptive and syntactic aspects. The descriptive analysis explain the noun phrase of the Kensiu language and all the sequences that form the noun phrase. Further, guided with the descriptive analysis, this writer will discuss the X'syntactic structure of the Kensiu noun phrase by using Government and Binding Theory Framework (Chomsky, 1986). From the outcome of this analysis, this writer will demonstrate the adjunction structure of the Kensiu's NP.

PENGENALAN

Bahasa peribumi di Malaysia terbahagi kepada dua rumpun yang berbeza, iaitu rumpun Austronesia dan rumpun Austroasiatik. Bahasa dalam rumpun Austroasiatik ini terbahagi kepada beberapa keluarga bahasa yang berlainan. Salah satu daripada keluarga bahasa yang masih dituturkan di Semenanjung terdiri daripada keluarga Mon-Khmer. Menurut Benjamin dan Chou (2003), terdapat lebih kurang 65 000 orang sahaja di Semenanjung Malaysia yang masih menuturkan bahasa yang berada dalam keluarga Mon-Khmer itu. Pada umumnya, terdapat 15 bahasa yang terdiri daripada keluarga Mon-Khmer ini di Semenanjung Malaysia (Burenhult, 2002). Walaupun begitu, artikel ini hanya memberikan tumpuan pada salah satu daripada rumpun bahasa Austroasiatik di Semenanjung Malaysia, iaitu bahasa Kensiu yang sedang pupus dengan cepat. Artikel ini akan memfokuskan perbincangan pada frasa nama sahaja. Analisis frasa nama bahasa Kensiu terbahagi kepada dua aspek, iaitu aspek deskriptif dan aspek sintaksis. Aspek deskriptif dan aspek sintaksis itu meliputi analisis secara deskriptif dan sintaksis. Analisis deskriptif akan menjelaskan frasa nama bahasa Kensiu serta urutan yang membentuk frasa nama tersebut. Seterusnya, berpandukan analisis deskriptif, penulis akan membahaskan sintaksis frasa nama bahasa Kensiu menggunakan Teori X-berpalang (Chomsky, 1986).

FRASA NAMA KENSIU

Analisis ini hanya melihat Frasa Nama (FN) serta jenis kata leksikal yang membentuk FN tersebut. Pembentukan FN ini akan melibatkan kata leksikal yang mengikuti dan mendahului kata nama kepala FN bahasa Kensiu. Analisis data FN ini akan melibatkan kedua-dua analisis deskriptif dan analisis sintaksis dengan menggunakan Teori X-berpalang. Untuk

mendapatkan data, satu kajian lapangan yang melibatkan 5 orang informan yang berumur antara 50 hingga 70 tahun telah dijalankan.

Golongan Kata yang Mendahului Kata Nama Bahasa Kensiu

Bahagian ini akan membincangkan golongan kata yang mendahului kata nama bahasa Kensiu. Perbincangan ini akan membahaskan bahasa Kensiu yang boleh didahului dua jenis golongan kata, iaitu kata bilangan¹ dan penjodoh bilangan. Perbincangan ini akan didahului dengan pengenalan kata nama dan seterusnya jenis golongan kata yang mendahuluinya.

Pengkaji mendapati kata nama Kensiu tidak boleh dijamakkan dengan imbuhan yang tertentu. Sebaliknya, bahasa ini menggunakan kata bilangan, iaitu kata kuantiti *jenuh* yang membawa maksud *banyak* atau *ramai* untuk menjamakkan sesuatu kata nama. Oleh yang demikian, kesemua kata nama akan dijamakkan dengan kehadiran kata bilangan seperti dalam (1 a–b). Malah kata bilangan seperti kata kuantiti sentiasa mendahului kata namanya.

- (1) a. jenuh hihuk
 banyak kayu
 b. jenuh betiu
 banyak air

KN dalam bahasa Kensiu juga boleh didahului oleh penjodoh bilangan. Bahasa Kensiu menggunakan satu jenis penjodoh bilangan sahaja dan tidak mempunyai perbezaan atau keserasian yang nampaknya wujud dalam bahasa ini seperti yang ditunjukkan dalam (2).

- (2) a. biya kebek naka
 dua ulas nangka
 b. biya kebek lembu
 dua ekor lembu

Kehadiran penjodoh bilangan juga tidak bersifat wajib. Sebaliknya, penjodoh bilangan itu boleh bersifat opsyenal. Sifat opsyenal digambarkan dalam tanda kurung.

- (3) a. biya (kebek) naka
 dua ulas nangka
 b. biya (kebek) lembu
 dua ekor lembu

¹ Kata bilangan ini turut meliputi kata kuantiti.

Perbincangan dalam (1) hingga (3) mendapati kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan mempunyai satu urutan yang tetap. Penjodoh bilangan sentiasa mendahului kata nama manakala kata bilangan pula mendahului penjodoh bilangan dalam FN bahasa Kensiu. Oleh yang demikian, urutan FN dalam bahasa Kensiu boleh diaturnya seperti dalam (4).

(4) kata bilangan - penjodoh bilangan - kata nama

FN bahasa Kensiu ini membentuk satu urutan yang mempunyai tiga fakta yang perlu diberikan perhatian. Fakta pertama, penjodoh bilangan dan kata bilangan yang membentuk FN bahasa Kensiu mempunyai satu urutan yang tegas, iaitu kata bilangan mendahului penjodoh bilangan dan penjodoh bilangan mendahului kata nama kepala seperti yang digambarkan dalam (4). Fakta yang kedua, penjodoh bilangan tidak boleh hadir tanpa kata bilangan, sebaliknya kata bilangan boleh hadir tanpa penjodoh bilangan. Ini menjelaskan kehadiran penjodoh bilangan adalah bersifat opsyenal. Fakta yang ketiga, ketiadaan keserasian antara kata nama kepala dengan penjodoh bilangan yang hadir mendahuluinya kerana hanya ada satu jenis penjodoh bilangan, iaitu kebek.

Golongan Kata yang Mengikuti Kata Nama Bahasa Kensiu

FN bahasa Kensiu ini juga tidak semestinya mempunyai golongan kata yang mendahuluinya sahaja. Kata nama kepala dalam bahasa ini juga mempunyai golongan kata yang mengikutinya untuk membentuk FN. Kata nama ini boleh diikuti kata pemilik dan kata penentu.

Kata pemilik boleh terdiri daripada ganti nama diri. Penggunaan ganti nama dalam bahasa Kensiu ini agak sempit. Bahasa ini tidak mempunyai ganti nama diri yang banyak seperti bahasa Melayu. Ganti nama mereka hanya terdiri seperti dalam jadual (5) di bawah.

(5)

Ganti Nama Diri Bahasa Melayu	Ganti Nama Bahasa Kensiu
saya	Yek
dia	tak (lelaki) yak (perempuan)
kami	yam
kamu	bok

Bahasa ini tidak menggunakan suatu perkataan untuk ganti nama *aku*, *engkau* dan sebaliknya seperti dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu,

ganti nama untuk kata nama bagi lelaki dan perempuan dibezakan. Ini menunjukkan bahasa Kensiui ini mempunyai penandaan *gender* pada ganti nama diri ketiga seperti dalam (6).

- (6) a. tak Nasir
 [+lelaki]
 b. yak Aminah
 [+perempuan] Aminah

Perkataan yang membentuk FN dalam bahasa Kensiui itu tidak semestinya mendahului kata nama kepala suatu FN. Dalam bahasa Kensiui, terdapat juga perkataan yang mengikutinya seperti kata pemilik yang merupakan ganti nama diri seperti dalam frasa (7) dan (8).

- (7) heyak yak
 pondok saya
 (8) cas yak
 tangan saya

Di samping urutan ini, bahasa ini juga turut mempunyai kata penentu. Bahasa ini hanya mempunyai satu kata penentu, iaitu *on*. Kata penentu juga sentiasa mengikuti kata nama seperti dalam (9).

- (9) a. awe on
 rotan itu
 b. menek on
 orang itu

Perbincangan dalam frasa (7) hingga (9) menunjukkan satu urutan yang menarik, terdapat dua golongan kata yang mengikuti kata nama, iaitu kata penentu dan kata pemilik. Namun, bahasa Kensiui tidak membenarkan kehadiran kedua-duanya dalam FN.

- (10) *a. yak yek on
 nenek saya itu
 *b. yak on yek

Sebaliknya (10b) menggambarkan bahawa kata penentu dan kata pemilik bersifat saling melengkapkan dalam FN bahasa Kensiui.

Pada keseluruhannya FN dalam bahasa Kensiui boleh terdiri daripada kata kuantiti, penjodoh bilangan, kata nama, kata pemilik dan kata penentu. Keempat-

empat golongan kata ini mempunyai urutan yang tetap dalam bahasa Kensiu. Keempat-empat golongan kata itu mempunyai urutan seperti di bawah.

(11) kata kuantiti – penjodoh bilangan - kata nama – kata pemilik/kata penentu

Analisis Sintaksis Teori X-Berpalang terhadap Frasa Nama

Satu mekanisme yang diandaikan menjadi representasi struktural bagi suatu ayat ialah rumus struktur frasa (RSF) yang dikenali sebagai Teori X-berpalang. Teori ini mempunyai satu prinsip yang dikenali sebagai Prinsip Unjuran yang memastikan bahawa setiap leksikal dalam suatu ayat itu diunjurkan dengan betul pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L, dan Bentuk Logik):

(12) Prinsip Unjuran (Chomsky 1981)


Representasi pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L, dan Bentuk Logik) diunjurkan daripada leksikon berpandukan maklumat pensubkategorian setiap butir leksikal.

Prinsip ini berpandukan syarat dan bukannya berpandukan rumus untuk melahirkan representasi struktural suatu butir leksikal. Prinsip ini mempunyai dua syarat, iaitu pertama, setiap representasi bagi setiap butir leksikal mestilah berpandukan maklumat pensubkategorian bagi setiap butir leksikal, dan kedua, maklumat pensubkategorian yang direpresentasi oleh Teori X-berpalang perlu diteliti pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L dan Bentuk Logik).


Prinsip Unjuran hanya menjadi syarat untuk representasi bagi setiap butir leksikal pada struktur sesuatu ayat tetapi prinsip ini tidak pula menyatakan cara untuk mewakili setiap butir leksikal itu dalam rajah pohon. Peranan itu dimainkan oleh prinsip yang berbeza, iaitu prinsip yang dikenali sebagai Prinsip X-berpalang. Prinsip ini juga mementingkan syarat dan bukan rumus untuk mewakili setiap butir leksikal dalam struktur representasi suatu ayat. Prinsip ini diperkenalkan oleh Chomsky (1970), kemudian diubah suai oleh Jackendoff (1977) dan seterusnya oleh Stowell (1981). Rumus ini mempunyai tiga syarat, iaitu:

- (13) a. Kewujudan setiap frasa mestilah endosentrik
b. Kehadiran tiga aras, iaitu FX, X' dan X.
c. Kedudukan kepala (X) ialah satu aras di bawah X- satu palang (X') yang dinaungi terus oleh nodus frasa (FX).


Kesimpulan yang dapat dicapai daripada perbincangan mengenai ketiga-tiga syarat (13) dapat digambarkan dalam rajah (14).



Namun demikian, Teori X-berpalang mempunyai satu posisi yang dikenali sebagai posisi adjung dan membentuk satu rumus yang dikenali sebagai rumus adjung.



Rajah (14) dan rumus (15) dapat disimpulkan untuk membentuk rumus struktur frasa bagi suatu frasa, iaitu:



Bahagian ini telah membincangkan tiga syarat yang penting bagi Teori X-berpalang. Perbincangan ini telah memberikan kerangka (16a) hingga (16c) yang boleh dijadikan asas untuk representasi bagi sesuatu ayat.

Analisis FN Bahasa Kensiu

Perbincangan pada awal bahagian telah membahaskan FN bahasa Kensiu ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu semua perkataan yang mengikuti dan semua perkataan yang mendahului kata nama kepala. Analisis dalam bahagian seterusnya membahaskan perkataan seperti kata bilangan dan penjodoh bilangan boleh mendahului kata nama kepala bahasa Kensiu. Kata bilangan itu boleh terdiri daripada kata nombor seperti *biya* “dua”; *nai* “satu” atau kata kuantiti *jenuh* “banyak”. Penjodoh bilangan pula boleh terdiri daripada *kebek* “ulas”; *kebek* “ekor”. Perkataan seperti kata pemilik *yak* “saya” dan kata penentu *on* “itu” pula boleh mengikuti kata nama kepala bahasa Kensiu. Oleh yang demikian, analisis sintaksis terhadap FN bahasa Kensiu akan melibatkan semua elemen yang mendahului dan mengikuti kata nama kepala dalam FN itu.


Elemen yang Mendahului

Pada umumnya, perbincangan awal telah menunjukkan bahawa elemen yang mendahului kata nama kepala, iaitu kata bilangan dan penjodoh bilangan dalam suatu FN itu, mempunyai tiga fakta. Fakta pertama, kata bilangan dan penjodoh bilangan mempunyai satu urutan yang tegas. Fakta kedua, penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan. Fakta ketiga, fitur semantik pada kata nama kepala tidak menentukan kehadiran penjodoh bilangan yang mendahului kata nama kepala dalam FN. Ini sekali gus membawa kepada tanggapan, iaitu tiada keserasian antara kata nama kepala dengan penjodoh bilangan.


Fakta pertama yang melibatkan urutan yang tegas bagi kata bilangan, penjodoh bilangan dan kata nama kepala itu dapat diaturkan seperti dalam (17).

(17) kata kuantiti/kata nombor - penjodoh bilangan - kata nama

Berpandukan (17), Teori X-berpalang serta syarat kehadiran kedua-dua elemen itu sebelum kata nama kepala maka penulis mencadangkan struktur FN seperti dalam (18).




Seterusnya, penulis akan membincangkan keseluruhan kesahihan kehadiran setiap konstituen dalam struktur (18) supaya struktur berkenaan menepati Teori X-berpalang.² Mengikut Teori X-berpalang, setiap frasa itu wajib bersifat endosentrik, iaitu setiap frasa mesti mempunyai kepala serta posisi spesifiernya. Maka struktur FN yang menepati Teori X-berpalang adalah seperti yang digambarkan dalam (19).



2 Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan (2008:213) turut membahaskan struktur yang sama untuk FN bahasa Melayu.


Struktur (19) menggambarkan FN yang bersifat endosentrik kerana frasa tersebut terdiri daripada satu kepala, iaitu kata nama yang dikenali sebagai kata nama kepala. Oleh yang demikian, kata nama (20) seperti kawai dapat digambarkan seperti dalam struktur (21).

(20) kawai
burung



Seterusnya, kata nama kepala dalam (21) juga boleh dihadiri oleh elemen yang berunsur sebagai penerang. Kedudukan elemen ini adalah pada posisi spesifik mengikut Teori X-berpalang. Oleh yang demikian, FN *biya kawai* “dua burung” terdiri daripada dua perkataan, iaitu kata bilangan *biya* dan kata nama kepala *kawai*. Kata bilangan *biya* dalam (22) itu akan menduduki posisi spesifik kerana bersifat penerang dan mewakili frasa bilangan (FBIL) serta membentuk struktur-D FN seperti yang digambarkan dalam (23).

(22) biya kawai
banyak burung



Struktur-D FN (23) ini bertepatan dengan cadangan Chomsky (1986) dan Abney (1986), iaitu kepala boleh menandai teta. Sebagai kepala, konstituen kata nama itu mempunyai peranan teta yang perlu ditandakan pada argumennya. Oleh yang demikian, kata nama kepala ini turut boleh menandakan teta. Penulis mencadangkan teta itu ditandakan pada posisi Spes, iaitu pada FBIL. Cadangan ini mempunyai kesamaan dengan penandaan teta kata kerja pada argumen luarnya yang menduduki posisi Spek FFLEKSI atau pada Spek FK dalam Hipotesis Subjek Kata Kerja (*VP Subject Hypothesis*) dalam sesuatu ayat. Sehubungan dengan itu,

posisi FBIL itu dianggap sebagai argumen luaran dan menepati keperluan kata nama kepala tersebut. Perbincangan ini telah dapat menggambarkan fakta pertama, iaitu urutan kata bilangan dan kata nama kepala serta kehadiran setiap satu konstituen itu dalam Struktur-D FN dalam bahasa Kensiu.

Perbincangan selanjutnya adalah terhadap dua lagi fakta yang melibatkan kehadiran penjodoh bilangan dalam FN. Kehadiran penjodoh bilangan ini perlu memenuhi ketiga-tiga fakta yang telah dibincangkan di atas, iaitu semua penjodoh bilangan tidak wajib dan tidak bergantung pada fitur semantik kata nama seperti dalam (3a–b) yang ditulis semula sebagai (24a–b).


- (24) a. biya kebek naka
 dua ulas angka
- b. biya kebek lembu
 dua ekor lembu

Seterusnya, kehadiran penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan seperti yang jelas dalam perbezaan (25a) dan (25b).

- (25) *a. kebek naka
- *b. kebek lembu

Wujud dua fakta di sini, iaitu pertama, kehadiran penjodoh bilangan mewajibkan kehadiran kata bilangan, dan kedua, ketiadaan keserasian antara penjodoh bilangan dan kata nama kepala itu.


Berpandukan struktur (19) dan perbincangan struktur (23) di atas penulis mencadangkan FN (24a) digambarkan seperti dalam struktur (26). Kesahihan struktur sintaksis (26) akan dibahaskan berpandukan ketiga-tiga fakta yang telah dijelaskan di atas.



Struktur FBIL dalam (26) dikenali sebagai struktur cantuman. Kehadiran struktur cantuman dalam Struktur-D tidak melanggar Teori X-berpalang dan Prinsip Penyimpanan Struktur (Chomsky, 1986) kerana kehadirannya

tidak memusnahkan apa-apa struktur yang telah ditetapkan oleh Teori X-berpalang, sebaliknya, struktur berkenaan hanya menghadapi penambahan, (Heagemann,1994). Dakwaan penulis struktur sedemikian mempunyai implikasinya yang tersendiri. Pengkaji ingin menggambarkan bahawa pada Struktur-D lagi struktur FN bahasa Kensiu sudah mempunyai struktur cantuman. Walaupun demikian, tidak semua frasa itu mempunyai struktur cantuman pada Struktur-D dalam bahasanya. Struktur sedemikian tidak bersifat sejagat tetapi keadaan ini adalah spesifik untuk sesuatu bahasa sahaja.

Namun, struktur cantuman itu boleh diterima sekiranya struktur (26) dapat menjelaskan dan menepati fakta kedua dan ketiga seperti yang telah dibincangkan mengenai kehadiran penjodoh bilangan dan kata bilangan dalam bahasa Kensiu. Fakta kedua ialah kehadiran penjodoh bilangan itu tidak wajib dan tidak bergantung pada jenis kata nama kepala itu. Pengkaji berpendapat, sifat ini disebabkan ketiadaan fitur semantik [\pm bernyawa, \pm manusia] pada suatu kata nama itu seperti yang wujud dalam bahasa Melayu yang menentukan jenis penjodoh bilangan yang boleh hadir dengan kata nama tersebut (Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan, 2008). Oleh yang demikian, tanda kurungan digunakan dalam struktur (27) untuk menggambarkan keadaan berkenaan fakta yang ketiga, iaitu ketiadaan keserasian antara kata bilangan dengan penjodoh bilangan tersebut.



Struktur (27) turut menyokong fakta kedua, iaitu penjodoh bilangan memerlukan kehadiran kata bilangan. Malah struktur ini dapat menjelaskan ketidakgramatisan frasa (25a) hingga (25b). Ini jelas kerana kehadiran penjodoh bilangan membentuk struktur cantuman. Oleh yang demikian, sekiranya kata bilangan tidak hadir seperti dalam frasa (25a) dan (25b) maka struktur cantuman tidak akan terbentuk dan penjodoh bilangan tidak mempunyai posisi untuk hadir dalam struktur sintaksis FN. Ini akan menyebabkan frasa tersebut ditandakan tidak gramatis. Sebaliknya, ketiadaan penjodoh bilangan hanya menyebabkan struktur FBIL ini

memprojeksikan struktur tanpa struktur cantuman seperti dalam (23) tanpa apa-apa masalah. Malah tanda kurungan ini juga turut menyokong fakta ketiga bahawa tiada keserasian itu berhubung rapat dengan sifat tidak wajib kehadiran penjodoh bilangan.


Elemen yang Mengikuti

Perbincangan dalam bahagian ini akan menjelaskan terdapat dua elemen yang mengikuti kata nama kepala FN bahasa Kensiu. Elemen itu terdiri daripada kata penentu *on* seperti dalam frasa (28) dan kata pemilik yang terdiri daripada ganti nama diri *yak* seperti dalam frasa (29).

(28) awe on
rotan itu


(29) hiyak yak
rumah saya

Kedua-dua elemen ini mempunyai urutan yang tegas seperti elemen lain yang mendahului kata nama dalam bahasa Kensiu seperti dalam (28) dan (29). Secara tradisi, frasa nama dianggap sebagai hasil daripada projeksi maksima kata nama (N) seperti dalam (30) (Jackendoff, 1977).





Perkembangan teori terbaharu dalam kurun ke-20 telah banyak mempersoalkan struktur (30). Perkembangan dalam Teori X-berpalang (Chomsky, 1986) dan pergerakan kepala (Baker, 1988) telah membolehkan satu arus perubahan terhadap struktur sebenar FN dalam (30) itu. Fukui dan Speas (1986), Abney (1987), Horrocks dan Stavrou (1987) telah membahaskan dengan mendalam bahawa FN seperti juga klausa mesti dikepalai oleh suatu elemen fungsian. Horrocks dan Stavrou (1987) memberikan label kepada kepala fungsian ini sebagai *Art*, sementara Abney (1987) pula memberikan label *D* serta mencadangkan frasa nama merupakan projeksi maksima *D*, iaitu sebagai kedudukan asas untuk kata penentu. Dakwaan Abney berpandukan simetri antara FN dan projeksi klausa. Klausa ialah FK yang didominasi oleh projeksi fungsian, iaitu FFLEKSI. Oleh yang demikian, Abney berpendapat FN juga perlu dilihat

sebagai proyeksi N yang didominasi oleh satu proyeksi fungsian seperti dalam (31).




Cadangan untuk memperkenalkan satu kategori fungsian dalam FN telah banyak mendapat sambutan yang baik dalam pelbagai kajian yang kukuh (Ritter, 1987; Delsing, 1988; Ouhalla, 1988 dan sebagainya). Kebanyakan kajian melibatkan bahasa Roman. Sebaliknya, penulisan ini akan menerapkan hipotesis FD (frasa *determiner*) itu ke dalam analisis FN bahasa Kensiu.

Abney menyatakan kata penentu yang akan dikenali sebagai *determiner* dan AGR wujud di bawah D dalam suatu frasa nama. Keadaan ini jelas dalam bahasa Inggeris seperti kata penentu *the* (32a) dan keadaan yang abstrak untuk mewakili pemilik dalam (32b)





Abney juga turut merangka struktur yang lebih terbuka untuk menyelesaikan urutan yang melibatkan kehadiran kata bilangan dan

penjodoh bilangan seperti dalam frasa *their three books* (tiga buah buku mereka). Beliau mencadangkan dua posisi Spek, iaitu satu untuk kata milik dan satu lagi untuk frasa bilangan. Kata bilangan dan penjodoh bilangan dikenali sebagai frasa bilangan. Beliau juga mencadangkan frasa kuantiti juga menduduki posisi [Spek FN]. Ini menjelaskan bahawa kata milik, frasa bilangan, dan frasa kuantiti dianggap sebagai penjelas kepada kepala kata nama tersebut seperti contoh dalam (33).



Sekiranya struktur (33) diaplikasikan terhadap kata pemilik dan kata penentu dalam frasa (28) dan (29), maka terhasil struktur seperti di bawah.



Struktur dalam (35) menunjukkan wujudnya AGR dalam struktur FD bahasa Kensiu. Kewujudan AGR dapat dibuktikan dengan kata

pemilik yang berbeza mengikut jenisnya seperti dalam jadual (5). Ini membuktikan kehadiran AGR itu penting sekurang-kurangnya untuk mensahihkan kehadiran fitur [+jumlah]. Pada masa yang sama, AGR juga boleh mempunyai fitur [+pemilik]. Kehadiran *on* pada *D* menyebabkan ketiadaan fitur [+jumlah, +pemilik] yang menyebabkan kehadiran kata pemilik tidak dibenarkan. Ini dapat menjelaskan frasa (36) yang ditandakan tidak gramatis.


- (36) *a. hiyak yak on
 pondok saya itu
 *b. hiyak on yak
 pondok itu saya

Struktur di atas menunjukkan kehadiran kata pemilik dan kehadiran kata penentu mempunyai satu urutan yang agak berbeza. Malah, kedudukannya juga berbeza daripada bahasa Inggeris. Walaupun begitu, keadaan struktur X-berpalang tidak menghalang perbezaan itu digambarkan dalam Teori X-berpalang.


FN BAHASA KENSIU SEBAGAI FD

Analisis sintaksis terhadap FN bahasa Kensiu telah menjelaskan bahawa urutan FNnya memiliki satu urutan yang tetap. Urutan dalam FN itu menunjukkan kata nama kepala boleh didahului oleh kata bilangan dan penjodoh bilangan. Seterusnya kata nama kepala pula boleh diikuti oleh kata penentu atau kata pemilik.

Abney (1987) mencadangkan FN sebenarnya mewakili FD. Oleh yang demikian, analisis keseluruhan FN bahasa Kensiu ini telah mengaplikasikan FD yang telah dicadangkan oleh Abney (1987) seperti dalam struktur (37).




Disebabkan urutan yang berbeza maka pengkaji mencadangkan sedikit perubahan pada (37) untuk menghasilkan struktur (38).




Struktur (38) itu boleh diaplikasikan kepada frasa (39) untuk menghasilkan struktur FN (40).

(39) biya kebek hiyak yak
 dua buah pondok saya



Keseluruhan struktur FN bahasa Kensiui dapat digambarkan dalam (40). Tanda kurungan pada FPENJ menjelaskan frasa itu adalah opsyenal. Sekiranya FPENJ hadir maka struktur cantuman akan wujud dan sekiranya FPENJ tidak hadir maka struktur cantuman tidak akan wujud seperti dalam (41).



KESIMPULAN

Penulisan ini membahasakan elemen yang mendahului dan mengikuti FN bahasa Kensiu. Elemen yang mendahului FN dalam bahasa Kensiu ialah kata bilangan dan penjodoh bilangan. Analisis terhadap kedua-dua elemen ini berpandukan tiga fakta, iaitu pertama, urutan tegas kata bilangan dan penjodoh bilangan yang membentuk FN, kedua, sifat tidak wajib penjodoh bilangan dan ketiga keperluan terhadap kehadiran kata bilangan untuk membolehkan kehadiran penjodoh bilangan. Kesemua ini telah dapat digambarkan dalam Struktur-D FN dengan cadangan struktur cantuman untuk FBIL bagi menempatkan penjodoh bilangan dengan tepat. Struktur itu dapat menjelaskan setiap fakta berhubung dengan kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan. Seterusnya analisis terhadap elemen yang mengikuti kata nama telah dapat dibahasakan dengan FD yang telah diperkenalkan oleh Abney (1987). Analisis ini sekali gus membolehkan struktur FD itu digunakan untuk menjelaskan keseluruhan elemen yang mendahului dan mengikuti kata nama kepala bahasa Kensiu.

Rujukan

- Anward, Jan, Moravcsik, Edith, and Stassen, Leon, "Part of Speech: a Challenge for Typology" dlm. *Linguistic Typology*. ½:167 – 83, 1997.
- Backhouse, Anthony E., "Have All the Adjectives Gone?" dlm. *Lingua*, 62: 169–86, 1984.
- Beck, David, "The Syntax, Semantics and typology of adjectives in Upper Nexaca Totonac" dlm. *Linguistic Typology*. 4/2: 213–50, 2000.
- Benjamin, Geoffrey, 1976. "Austroasiatic Subgroupings and Prehistory in the Malay Peninsula" dlm. P.N. Jenner, L.C. Thompson and S. Starosta (ed.) *Austroasiatic Studies Part 1*:37–128. Honolulu: The University Press of Hawai.
- Bishop, Nancy M. and Mary M. Peterson, "Kensiw Glossary" dlm. *Mon-Khmer Studies* 23:163–95, 1994.
- Bishop, Nancy, "A preliminary Description of Kensiw (Maniq) Phonology" dlm. *Mon-Khmer Studies*. 26:245–53, 1996.
- Bishop, Nancy M., 2001. "Sociolinguistic Aspects of Northern Aslian Languages: a Case Study of Kensiw (Kensiu) [Baansakai, Yala, Thailand]" dlm. Razha Rashid and Wazir Jahan Karim (eds.), *Minority Cultures of Peninsular Malaysia: Survivals of Indigenous Heritage* hlm.. 83–99. Penang: Academy of Social Sciences (AKASS).
- Bishop, Nancy M. and Mary M. Peterson, 2002. "The Kensiw (Maniq) people" dlm. TU-SIL-LRDP Committee (ed.), *Minority Language Orthography in Thailand: five Case Studies*, 53 – 68. Bangkok, Thailand: TU-SIL-LRDP Committee.
- Bishop, Nancy M., "A preliminary description of Kensiw (Maniq) phonology." dlm. *Mon-Khmer Studies* 25:227–53, 1996.
- Bhat, D. N. Shankara, 1994. *The Adjectival Category: Criteria for Differentiation and Identification* (Studies in Language Companion Series 24). Amsterdam: Benjamins.
- Chomsky, N., 1986. *Knowledge of Language. Its Nature, Origin, and Use*. New York: Praeger.
- Croft, William, 2000. "Part of Speech as Language Universals and as Language-Particular Categories" dlm. Vogel and Comrie 65–102.
- Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan, 2005. "*Analisis Sintaksis ke Atas Enklitik '-nya' dalam Bahasa Melayu*". Disertasi PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan, "Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Bahasa*. 8(2):204–19, 2008.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli <http://www.jheoa.gov.my>; <http://www.johordt.gov.my>; <http://www.jheoa.gov.my/perak> (Capaian 14 Julai 2008).
- Lyons, John, 1977. *Semantics, 2 vols*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Prasithratsint, Amara, "Adjectives as Verbs in Thai" dlm. *Linguistics Typology*. 4/2: 251–71, 2000.
- Ramli Md. Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.